

# IPU Semenanjung tahap sederhana

Kebakaran hutan di Sumatera, Kalimantan beri kesan peningkatan bacaan: JAS

Oleh Syalikhah Sazili  
syalikhah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan di Indonesia memberi kesan kepada peningkatan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Semenanjung apabila berada pada tahap sederhana.

Menurut kenyataan Jabatan Alam Sekitar (JAS), semalam, IPU di Johor Setia, Klang mencatatkan bacaan 86 hingga 90.

Bagaimanapun, keadaan berbe-

za di Sarawak apabila kualiti udara di stesen pengawasan udara yang terletak di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri, terus berada pada tahap berbahaya dengan bacaan IPU 361.

Kebakaran kecil belukar tanah gambut yang berlaku di beberapa kawasan di Sarawak turut menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara pada tahanan sangat tidak sihat di Kuala Baram dan Sri Aman.

Kuala Baram mencatatkan bacaan IPU 268, manakala Sri Aman pula dengan IPU 239.

JAS berkata, pihaknya telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Berdasarkan tahap bacaan IPU, 0-50 menunjukkan kualiti udara sihat; 51-100 sederhana; 101-200, tidak sihat; 201-300, sangat tidak



Pemandangan Kuala Lumpur yang merekodkan bacaan IPU 77 pada tahap sederhana setakat jam 4 petang, semalam. [Foto Mustaffa Kamal/BH]

sihat dan melebihi 300, berbahaya.

Orang awam boleh merujuk laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di <http://apims.doe.gov.my/v2/>

atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar, MyIPU di 'Google Play' bagi mendapatkan bacaan IPU terkini pada setiap jam.

Orang ramai dinasihatkan me-

layari laman web Kementerian Kesihatan ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah pencegahan semasa jerebu.